



Dialog UniMAP dengan Menteri Pendidikan Teknikal, Yemen.

11, Ogos, 2008-Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai universiti yang menawarkan bidang Pendidikan Teknikal, telah menarik minat Menteri Pendidikan Teknikal Yemen, yang telah bertemu dengan wakil daripada UniMAP di Kuala Lumpur, hari ini.

Menterinya, Dr. Ibrahim Omar Hugari, yang mengadakan lawatan selama seminggu ke Malaysia, meluangkan masa untuk berbincang dengan wakil daripada UniMAP, yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dekan (Hal Ehwal Antarabangsa) dan wakil daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan tentang peluang-peluang pelajar daripada Yemen melanjutkan pelajaran di dalam Pra dan Pasca Siswazah di UniMAP. Timbalan Kauncelor Kebudayaan dan Hal Ehwal Akademik daripada kedutaan Yemen di Malaysia, Dr. Adnan Alsanoy dan Atase Pendidikan Yemen, Dr. Khalid Ghaifan turut hadir sama di perasmian perjumpaan tersebut.

“Kita perlu bersama sekali lagi selepas Ramadan, untuk memperincikan perjanjian mengenai kerjasama ini”, ujar Dr. Ibrahim, yang berasa tertarik kerana UniMAP dibawah pimpinan Naib Canselor, Brig. Jen. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, telah menunjukkan minat dalam pelebaran lagi jaringan antarabangsa dengan UniMAP.